

27 SEP 2001

Myanmar-Pulang

PEMIMPIN MYANMAR PULANG KE YANGON

LANGKAWI, 27 Sept (Bernama) -- Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara Myanmar Jeneral Kanan Than Shwe berlepas ke Yangon hari ini selepas mengadakan lawatan dua hari ke pulau bersejarah ini.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Timbalan Menteri Pengangkutan Tan Sri Ramli Ngah Talib yang juga menteri pengiring dan para pemimpin tempatan berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi untuk mengucapkan selamat jalan kepada Than Shwe dan isterinya, Daw Kyaing Kyaing.

Than Shwe, yang tiba di sini semalam, berada di Malaysia untuk lawatan tiga hari.

Lawatan beliau itu sempena membalas kunjungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Myanmar pada Januari lepas.

Semasa di Kuala Lumpur, beliau mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir untuk membincangkan isu-isu dua hala dan serantau.

Di Langkawi, beliau diraikan Menteri Besar dalam satu jamuan malam di Hotel Andaman di Teluk Datai, malam tadi.

Hari ini, pemimpin Myanmar itu dan rombongannya menghadiri taklimat mengenai pembangunan Langkawi oleh pengurus besar Lembaga Kemajuan Langkawi (Lada) Datuk Zainal Karib Abdul Rahim di Kompleks Lada, di sini.

Than Shwe mengakhiri lawatannya dengan mengunjungi Galeria Perdana, sebuah kompleks yang mempamerkan cenderamata yang diterima Dr Mahathir semasa lawatan-lawatan beliau ke luar negara.

Diiringi isterinya, Than Shwe meluangkan masa kira-kira 30 minit di galeri itu yang menempatkan lebih 2,500 memorabilia termasuk kraftangan buatan tangan serta barangan perak.

-- BERNAMA

NH RM NAK